

BAHAGIAN A (10 markah)

Arahan: Bagi setiap soalan, terdapat empat patah perkataan yang disenaraikan. Pilih perkataan yang sesuai daripada senarai yang diberikan itu. Kemudian, tulis jawapan pilihan kamu di dalam ruangan yang disediakan.

Soalan A1 (5 markah)

Perhiasan Wanita

Oleh: Balqis Qistina

Jumaat, 3 Ogos 2021

Kerongsang merupakan perhiasan yang sering dipakai oleh wanita Melayu ketika menghadiri majlis-majlis tertentu seperti majlis perkahwinan. Kerongsang ialah sejenis pin yang (1)_____ pada baju kebaya agar terletak di badan si pemakai dan melengkapkan pakaian itu. Biasanya, satu set kerongsang terdiri daripada ibu kerongsang dan dua kerongsang kecil (2)_____ dipanggil anak kerongsang. Kerongsang biasanya dibuat daripada perak atau emas dan dihiasi (3)_____ permata. Masyarakat pada zaman dahulu sangat (4)_____ dengan alam semula jadi. (5)_____, kebanyakan bentuk dan corak yang terdapat pada kerongsang memiliki ciri-ciri alam seperti flora dan fauna.



- | | | | |
|--|-----|--|-----|
| 1 (A) disemat
(B) tersemat
(C) penyemmat
(D) menyemat | () | 2 (A) yang
(B) serta
(C) untuk
(D) bahawa | () |
| 3 (A) di
(B) oleh
(C) dengan
(D) daripada | () | 4 (A) jauh
(B) luas
(C) lebar
(D) dekat | () |
| 5 (A) Maka
(B) Sejak
(C) Namun
(D) Lagipun | () | | |

Soalan A2 (5 markah)

Usah biarkan e-sisa anda terbuang !



Pemerintah Singapura akan memudahkan penduduk untuk mengitar semula barang elektronik mereka yang juga dikenali (6)_____ e-sisa. Lebih 300 tong (7)_____ e-sisa telah diletakkan di tempat-tempat awam termasuk pusat beli-belah dan pasar raya. Penduduk (8)_____ untuk mengitar semula barang elektronik yang tidak terpakai lagi seperti bateri, pencetak, komputer, telefon bijak dan juga bal lampu. E-sisa harus ditangani dengan betul untuk mendapatkan kembali bahan berharga (9)_____ mengelak bahan berbahaya daripada merosakkan alam sekitar dan kesihatan kita. Malah, mengitar semula e-sisa (10)_____ mengurangkan sampah dan jejak karbon kita.



- | | | | |
|---|-----|---|-----|
| 6 (A) sebab
(B) seperti
(C) macam
(D) sebagai | () | 7 (A) dikumpul
(B) kumpulan
(C) terkumpul
(D) pengumpulan | () |
| 8 (A) dibiarkan
(B) dipastikan
(C) digalakkkan
(D) dibolehkan | () | 9 (A) jika
(B) serta
(C) tetapi
(D) supaya | () |
| 10 (A) perlu
(B) mesti
(C) dapat
(D) harus | () | | |

BAHAGIAN B (10 markah)

Soalan B1 (4 markah)

Arahan: Berdasarkan rangsangan grafik yang diberikan, pilih jawapan yang paling sesuai bagi setiap soalan yang berikut. Tulis huruf jawapan pilihan kamu di ruangan yang disediakan.

Bengkel Pengkarya Muda Penulisan Kreatif

Hari: Sabtu, 23 September 2021

Jam: 10.00 pagi hingga 1.00 petang

Tempat: Auditorium, Kelab Masyarakat Anggerik

Hanya \$20!
Untuk peserta berusia
13-18 tahun

Sertailah bengkel ini! Para peserta pasti dapat belajar menulis karangan yang bermutu dan menarik!

Di dalam bengkel ini para peserta akan belajar untuk mendapatkan idea tentang bagaimana hendak membuat penulisan yang berkesan dan baik, dibimbing oleh guru Bahasa Melayu yang berpengalaman. Contohnya, frasa-frasa berbunga yang dapat digunakan dengan sesuai.

Para peserta juga akan berpeluang untuk berinteraksi dalam sesi soal jawab dengan seorang penulis popular, Cik Syazana Hamid.



Daftarlah sebelum 15 September dan bayaran hanyalah \$12. Jangan lepaskan peluang ini!

Alat tulis akan ditaja oleh Syarikat Murni. Makanan dan minuman juga disediakan pada akhir bengkel.

- Syarikat ini juga akan menerbitkan hasil penulisan para peserta menjadi sebuah buku.
- Buku itu akan diberi kepada semua peserta secara percuma.

Sila hubungi Encik Rahim Ghani untuk keterangan lanjut. Telefon: 6767 8567

11 Bengkel Pengkarya Muda sangat sesuai untuk remaja kerana _____.

- (A) dapat makan dan minum sambil belajar
- (B) hanya perlu membayar \$12 jika daftar awal
- (C) bengkel itu diadakan di Kelab Masyarakat Anggerik
- (D) boleh meningkatkan mutu penulisan karangan mereka dengan teknik yang dipelajari

()

12 Faedah lain yang dapat diraih oleh peserta-peserta bengkel itu ialah _____.

- (A) bersempang dengan Encik Rahim Ghani
- (B) membeli alat tulis daripada Syarikat Murni
- (C) penulisan mereka akan dibukukan dan diberikan secara percuma
- (D) menghasilkan frasa-frasa berbunga dengan bimbingan Cik Syazana Hamid

()

Soalan B2 (6 markah)

Pameran Kerjaya

- Tarikh: 20 September 2021
- Tempat: Wisma Harmoni Singapura
- Masa: 10 pagi hingga 5 petang
- Tiada bayaran dikenakan namun peserta perlu mendaftar
- Dianjurkan oleh Tenaga Kerja Singapura
- Lebih daripada 800 kerja kosong ditawarkan
- Ada peluang temu duga secara fizikal dan dalam talian
 - Bagi mematuhi langkah pengurusan selamat kerana pandemik Covid-19, hanya tiga syarikat sahaja yang akan membuka gerai secara fizikal sementara lima lagi akan menemui pemohon kerja secara dalam talian menerusi komputer yang disediakan.
 - Berikut gerai fizikal yang mengambil bahagian:
 - Hospital Besar Singapura
 - Bank DBS
 - DREAM Cruises
 - Berikut gerai dalam talian:
 - Lapangan Terbang Changi
 - Insurans NTUC Income
 - Hotel Plaza Singapura
 - Universiti Kebangsaan Singapura
 - Rumah Tumpangan Warga Emas Jamiyah
- Hanya 50 pengunjung sahaja dibenarkan masuk pada satu-satu masa ke kawasan pameran di tingkat satu Wisma Harmoni Singapura.
- Oleh itu, orang ramai digalakkan membuat pendaftaran terlebih dahulu di lelaman berikut untuk mendapatkan tempat: <http://bit.ly/HOPE21PreReg>



Datangkan beramai-ramai untuk mendapat maklumat-maklumat penting:

1. Melatih diri untuk sesi temuduga
2. Mendapat pendedahan terhadap landskap pekerjaan di Singapura
3. Dapat menguji kemahiran komunikasi
4. Peluang untuk berinteraksi dengan bakal majikan dan mengetahui kelayakan yang diperlukan
5. Mendengar pandangan pakar kerjaya

13 Pameran kerjaya ini membolehkan seseorang _____.

- (A) menghadiri pameran sehingga 10 malam
- (B) membuat janji temu dengan pakar kerjaya
- (C) menyertai temu duga secara fizikal dan dalam talian
- (D) mendapatkan kerja kosong dengan bayaran berdaftar

()

14 Pameran Kerjaya tersebut amat sesuai dilawati oleh pengunjung yang ingin menukar kerjaya kerana _____.

- (A) ia dianjurkan oleh Tenaga Kerja Singapura
- (B) boleh mengetahui kelayakan yang diperlukan
- (C) dapat menggunakan komputer yang tersedia di sana
- (D) terdapat syarikat daripada pelbagai jenis bidang kerjaya

()

15 Pengunjung harus mendaftar di lelaman yang tertera kerana _____.

- (A) pandemik Covid-19
- (B) terdapat 800 kerja kosong yang ditawarkan
- (C) 3 gerai fizikal sahaja yang mengambil bahagian
- (D) hanya 50 pengunjung sahaja yang boleh masuk pada satu-satu masa

()

BAHAGIAN C (10 markah)

Arahan: Baca teks berikut dengan teliti.

Manik-manik peluh muncul di dahi Nabilah. Dia termengah-mengah seperti baru mendaki tangga jambatan yang tinggi. Dia mencampakkan begnya ke lantai.

“Ibu, Nabilah sudah pulang! Ada surat untuk ibu,” teriak Nabilah ketika dia menyedari ibunya tiada di ruang tamu. Dia merebahkan punggungnya ke sofa.

Puan Nafisah keluar dari biliknya dan menghampiri anaknya lalu mengambil surat yang terletak di meja. Logo HPB terpapar di bahagian atas surat. Rupa-rupanya, itu surat janji temu Nabila bersama doktor pemakanan. Apabila dibacanya lagi, surat itu menyatakan bahawa berat badan Nabilah melebihi had yang dicadangkan untuk remaja sepertinya.

Puan Nafisah melihat Nabilah yang sibuk melungsuri media sosialnya di telefon bimbit. Tatkala dia tersenyum, muncul dua lesung pipit manis di kedua-dua pipinya yang gebu. Namun, berat badannya sudah mencecah 80 kilogram!

“Nabilah laparlah. Ibu, boleh masakkan saya mi segera?” tanya Nabilah.

“Lebih baik, Nabilah kurangkan makan mi segera. Nabilah harus makan banyak buah-buahan dan sayur-sayuran. Ada banyak khasiatnya. Nabilah akan berasa lebih sihat dan kelihatan lebih cantik,” pujuh Puan Nafisah.

Nabilah mencebik.

Puan Nafisah berasa bersalah. Demi menjimatkan masa kerana terlalu sibuk bekerja, dia leka dan mengambil jalan mudah untuk menyiapkan makanan. Dia sering menyiapkan makanan segera seperti nuget ayam, kentang goreng dan piza untuk keluarganya. Beliau baru teringat bahawa pengambilan makanan segera secara kerap boleh **mengakibatkan** penyakit kronik seperti kegemukan, kencing manis dan darah tinggi. Kandungan garam, gula dan lemak yang amat tinggi dalam makanan segera akan mengganggu fungsi badan.

Beliau merenung anak tunggalnya dan bertekad untuk mengubah pemakanannya. Hal ini penting agar Nabilah tidak terdedah kepada penyakit kronik yang akan menjejas masa depannya.

Arahan: Berdasarkan teks di halaman 8, jawab soalan-soalan yang diberikan. Tulis jawapan kamu di dalam ruangan yang disediakan.

- 16 Apakah yang tertulis di dalam surat yang dikirimkan oleh HPB? (2 markah)

- 17 Mengapa Puan Nafisah memilih untuk menyiapkan makanan segera untuk keluarganya? (2 markah)

- 18 Berikan **dua** keburukan sering mengambil makanan segera. (4 markah)

- 19 (i) Berikan maksud perkataan ‘mengakibatkan’ berdasarkan penggunaannya dalam teks. (1 markah)

- (ii) Berikan perkataan dalam perenggan terakhir yang bermaksud **mahu untuk mencapai sesuatu**. (1 markah)

Selesai